

Evolusi Hubungan Bilateral Malaysia-Indonesia: dari Asas Sejarah Serumpun ke Cabaran Era Digital

Naizatul Akma Mohd Mokhtar¹, Siti Nor Zakiah Saidi², Mohamed Ali Haniffa³,
Nor Azlah Sham Rambely⁴

^{1,2,3,4}Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia
Address: 06010 Sintok Kedah Darul Aman, Malaysia +604928 5707/+604928 5709

Corresponding author

¹n.akma.mohd@uum.edu.my ; ²zakiahsaidi@gmail.com ; ³m.ali@uum.edu.my ; ⁴azlah@uum.edu.my

Abstrak: Hubungan bilateral Malaysia-Indonesia berakar daripada persamaan sejarah, budaya, bahasa, serta kedekatan geografi yang telah terjalin sejak zaman pramoden melalui jaringan kerajaan maritim Nusantara. Ikatan sejarah ini menjadi asas kepada pembentukan hubungan diplomatik moden selepas kedua-dua negara mencapai kemerdekaan, walaupun episod konflik seperti Konfrontasi (1963–1966) memperlihatkan kerumitan dalam hubungan tersebut. Pasca-Konfrontasi, kerjasama serantau melalui ASEAN (ditubuhkan pada 1967) menjadi wadah penting dalam meredakan ketegangan dan memupuk solidariti serumpun. Namun, memasuki abad ke-21, perkembangan pesat teknologi digital mencetuskan cabaran baharu dalam mengekalkan keharmonian dan memperkukuh kerjasama dua hala. Artikel ini meneliti cabaran era digital terhadap hubungan Malaysia-Indonesia melalui empat dimensi utama: politik, ekonomi, sosial-budaya, dan keselamatan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif-analitis dengan menganalisis buku sejarah, artikel jurnal, serta laporan media. Dapatan kajian menunjukkan isu-isu seperti penyebaran maklumat palsu, ketidakseragaman dasar digital, persaingan budaya dalam ruang maya, dan ancaman keselamatan siber rentas sempadan menjadi cabaran signifikan. Artikel ini mengemukakan cadangan strategik seperti pengukuhan diplomasi digital, harmonisasi peraturan bersama, kerjasama keselamatan siber, serta peningkatan literasi digital masyarakat. Kesimpulannya, kelangsungan hubungan Malaysia-Indonesia dalam era digital bergantung kepada keupayaan kedua-dua negara menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi, sambil mengekalkan asas sejarah serumpun sebagai tonggak hubungan dua hala yang berterusan.

Kata Kunci: Hubungan bilateral; Era digital; Diplomasi digital; Keselamatan siber; Malaysia; Indonesia.

Pengenalan

Malaysia dan Indonesia mempunyai hubungan yang rapat sebagai dua negara serumpun yang berkongsi warisan sejarah, budaya, bahasa, serta kedekatan geografi. Konsep “serumpun” atau adik-beradik sedarah sering ditekankan oleh pemimpin kedua-dua negara bagi menggambarkan ikatan ini (Omarali, 2017). Sejak era pramoden, kepulauan Melayu-Nusantara telah berhubung melalui kerajaan maritim seperti Srivijaya dan Majapahit yang wilayahnya merangkumi kawasan Malaysia dan Indonesia pada hari ini (Andaya & Andaya, 2001; Ricklefs, 2008). Walau bagaimanapun, penjajahan Barat pada abad ke-16 hingga ke-20 memisahkan rantau ini kepada dua entiti politik yang berbeza: Tanah Melayu di bawah pentadbiran British dan Hindia Timur di bawah Belanda. Pemisahan ini kemudiannya membentuk identiti kebangsaan yang berbeza bagi Malaysia dan

Indonesia.

Selepas Perang Dunia Kedua, Indonesia mencapai kemerdekaan pada tahun 1945, diikuti Malaysia pada tahun 1957. Namun, hubungan pasca-kemerdekaan tidak selalu harmoni. Penentangan Indonesia terhadap pembentukan Persekutuan Malaysia mencetuskan Konfrontasi bersenjata pada tahun 1963 hingga 1966. Konflik tersebut berakhir setelah kejatuhan Sukarno dan peralihan kuasa kepada Suharto, yang membuka jalan kepada perdamaian. Pasca-Konfrontasi, hubungan dua hala kembali pulih dan kedua-dua negara muncul sebagai pengasas ASEAN pada tahun 1967, dengan komitmen untuk memperkukuh kerjasama serantau dan kestabilan politik-ekonomi (Acharya, 2013). Sejak itu, Malaysia dan Indonesia bekerjasama dalam pelbagai aspek termasuk keselamatan serantau, perdagangan, dan pertukaran budaya. Namun, isu-isu berterusan seperti pekerja migran, pertindihan sempadan maritim, dan tuntutan warisan budaya masih menjadi sumber ketegangan dari

semasa ke semasa. Hubungan yang akrab ini sering diibaratkan sebagai “sibling rivals in a fraught family”, iaitu hubungan persaudaraan yang erat tetapi penuh persaingan dan perselisihan (Weiss, 2010; Omarali, 2017).

Memasuki abad ke-21, era digital telah mengubah landskap hubungan antarabangsa kedua-dua negara. Revolusi teknologi maklumat memungkinkan komunikasi rentas sempadan dan penyebaran maklumat berlaku dengan pantas. Pemimpin serta diplomat semakin memanfaatkan platform digital dalam urusan diplomasi, sementara masyarakat awam turut terlibat secara langsung dalam wacana bilateral melalui media sosial. Diplomasi digital menjadi pelengkap kepada diplomasi tradisional, khususnya selepas pandemik COVID-19 yang membataskan interaksi bersemuka (Astro Awani, 2020). Malah, terdapat cadangan agar Wisma Putra menubuhkan unit khusus bagi menangani cabaran dan norma baharu diplomasi digital pasca-pandemik.

Era digital dalam konteks Malaysia-Indonesia menampilkan satu paradoks yang mana di satu pihak, ia membuka peluang kerjasama lebih erat, misalnya dalam bidang ekonomi digital dan jaringan rakyat-ke-rakyat. Namun di pihak lain, ia memperburuk isu-isu lama serta mencetuskan cabaran baharu yang berpotensi menguji hubungan dua hala. Artikel ini akan meneliti cabaran utama dengan memberi tumpuan kepada empat dimensi iaitu politik, ekonomi, sosial-budaya, dan keselamatan. Perbincangan turut disokong oleh sorotan literatur terdahulu serta analisis terhadap implikasi transformasi digital. Akhir sekali, cadangan strategik dan implikasi polisi diketengahkan bagi memperkukuh hubungan Malaysia-Indonesia dalam menghadapi realiti dunia digital masa kini.

Sorotan Literatur

Kajian mengenai hubungan Malaysia-Indonesia telah lama menekankan sifatnya yang unik iaitu intim tetapi kompleks. Weiss (2010) mengibaratkan hubungan Kuala Lumpur-Jakarta sebagai persaudaraan penuh persaingan, di mana keakraban budaya tidak menafikan wujudnya pertelingkahan dalam pelbagai isu. Liow (2005) menggambarkan kedua-dua negara sebagai “one kin, two nations”, yang menonjolkan hakikat bahawa keserumpunan sejarah dan etnik tidak menjamin persefahaman politik yang mutlak. Sejarah Konfrontasi turut menjadi perhatian penting dalam wacana akademik, seperti dihuraikan Subritzky (2000) yang mengaitkan konflik tersebut dengan faktor geopolitik dan ideologi di sebalik tentangan Sukarno terhadap pembentukan Malaysia. Selepas Konfrontasi berakhir, tumpuan beralih kepada kerjasama

serantau melalui ASEAN. Acharya (2013) menegaskan bahawa penubuhan ASEAN pada tahun 1967 menyediakan kerangka penting untuk meredakan ketegangan dan membina identiti kolektif serantau berasaskan keamanan serta kerjasama. Malaysia dan Indonesia, sebagai anggota pengasas, sering dianggap sebagai tunjang solidariti ASEAN, meskipun persaingan dan ketegangan dalaman masih kekal wujud (Ganesan & Amer, 2010).

Perubahan konteks semasa membawa tumpuan baharu dalam kajian hubungan dua hala. Chong (2012), misalnya, meneliti persengketaan warisan budaya seperti perebutan kesenian tradisional, batik dan lagu rakyat merupakan manifestasi simbolik kepada konflik politik yang lebih mendalam. Beliau menegaskan bahawa penyelesaian mampan terhadap isu warisan memerlukan pemahaman yang lebih luas tentang sejarah dan dinamika hubungan Malaysia-Indonesia. Penemuan ini seiring dengan pemerhatian Weiss (2010) dan Liow (2005) bahawa sentimen nasionalisme mudah tercetus apabila melibatkan simbol budaya, mencerminkan persaingan persaudaraan yang rapat tetapi sensitif.

Dua dekad kebelakangan ini, kemunculan teknologi maklumat dan media digital turut menarik perhatian akademik dalam bidang diplomasi serta komunikasi. Tapsell (2014) meneliti evolusi media digital di Malaysia dan Indonesia, menunjukkan bagaimana konvergensi platform media memperkukuh konglomerat media dengan campuran pengaruh negara dan pasaran. Beliau mendapati Malaysia lebih cenderung mengawal selia kandungan digital secara proaktif berbanding Indonesia, yang landskap mediana lebih terbuka, sekali gus menimbulkan jurang dasar rentas sempadan. Perbezaan ini penting kerana ia boleh menjejaskan usaha harmonisasi peraturan digital, khususnya dalam ruang siber.

Antara cabaran utama dalam era digital ialah penyebaran maklumat palsu (misinformation dan disinformation) melalui media sosial dan aplikasi pesanan ringkas. Yatid (2019) menekankan bahawa fenomena berita palsu berkembang sebagai ancaman serius menerusi media sosial yang mempercepatkan penyebaran maklumat tidak sahih. Kajian beliau menunjukkan disinformasi memberi kesan besar merentas dimensi politik, ekonomi, dan keselamatan. Malaysia mengambil pendekatan melalui undang-undang dan kempen literasi digital, manakala Indonesia menubuhkan Badan Siber dan Sandi Negara, di samping menggempur “hoax” melalui penapisan serta penahanan pelaku. Inisiatif masyarakat sivil seperti Mafindo turut memperlihatkan peranan penting semakan fakta kolektif. Ini membuktikan pendekatan pelbagai dimensi seperti perundangan, teknologi,

penguatkuasaan, dan pendidikan masyarakat amat diperlukan dalam menangani cabaran disinformasi.

Berbeza dengan pendapat Rogers (2021) bahawa diplomasi maya kini menjadi norma baharu, dan institusi diplomatik perlu beradaptasi. Negara-negara seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom telah menubuhkan unit e-diplomasi lebih awal, dan Malaysia turut disarankan menubuhkan unit khusus di Wisma Putra bagi menangani norma baharu ini (Astro Awani, 2020). Manor (2019) dan Adesina (2017) turut menekankan peranan media sosial, portal dalam talian, dan analitik data dalam memperluas capaian diplomasi serta meningkatkan keberkesanan dasar luar. Bagi Indonesia, Agnes (2020) mencatatkan bahawa Kementerian Luar Negeri aktif menggunakan platform digital seperti Twitter untuk diplomasi awam, meskipun cabaran penyelarasan naratif antara agensi domestik masih ketara (Pitriani, 2020).

Dari sudut kerjasama serantau, inisiatif digital ASEAN semakin diberi perhatian. ASEAN Digital Masterplan 2025 dan rancangan ASEAN Digital Economy Framework Agreement (DEFA) dirangka untuk memperkukuh integrasi ekonomi digital menjelang 2025–2030 (ASEAN, 2021). Inisiatif ini merangkumi pembangunan infrastruktur digital, aliran data rentas sempadan, literasi digital, serta kerjasama keselamatan siber. Indonesia dikenali sebagai peneraju data raya ASEAN, manakala Malaysia mengetuai penyediaan Strategi Keselamatan Siber ASEAN 2026–2030 sewaktu mempengerusikan ASEAN 2025 (Tang, 2023; The Star, 2025). Kajian Pacific Forum turut menegaskan keutamaan kepada harmonisasi dasar, perkongsian maklumat ancaman, dan peningkatan kapasiti kolektif.

Secara keseluruhannya, kajian-kajian terdahulu menegaskan kepentingan dasar yang mantap bagi menangani disinformasi, memperkukuh diplomasi digital, menyelaraskan pembangunan ekonomi digital, serta menginstitusikan kerjasama keselamatan siber. Hubungan Malaysia–Indonesia kini berada pada satu persimpangan baharu, walaupun asas persaudaraan sejarah yang sekian lama terjalin masih utuh, namun gelombang transformasi digital menambahkan kerumitan dengan kemunculan aktor bukan negara termasuk pempengaruh media sosial, syarikat teknologi, dan penggadam sebagai pemain penting dalam landskap hubungan dua hala. Hal ini menunjukkan adanya peralihan tumpuan daripada penekanan semata-mata kepada faktor sejarah tradisional kepada pengiktirafan cabaran teknologi digital sebagai dimensi baharu yang semakin dominan dalam menentukan dinamika hubungan Malaysia–

Indonesia.

Kaedah Kajian

Analisis ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif-analitis dengan penerapan kaedah analisis kandungan tematik. Melalui pendekatan ini, data dianalisis bagi mengenal pasti corak dan tema yang berulang dalam hubungan dua hala Malaysia–Indonesia pada era digital. Empat cabaran utama telah ditentukan sebagai fokus kajian iaitu dimensi politik, ekonomi, sosial-budaya dan keselamatan. Bagi setiap dimensi, analisis dijalankan dengan meneliti contoh kes yang relevan serta menghuraikan pandangan daripada kedua-dua negara. Kaedah triangulasi turut diaplikasikan dengan membandingkan sudut pandang Malaysia dan Indonesia bagi memastikan interpretasi yang diperoleh bersifat seimbang, menyeluruh, dan objektif.

Cabaran Era Digital Hubungan Malaysia–Indonesia

Memasuki abad ke-21, perkembangan pesat teknologi digital telah mengubah landskap hubungan dua hala Malaysia–Indonesia. Komunikasi rentas sempadan kini berlaku sekelip mata, mempermudah kerjasama diplomatik dan rakyat-ke-rakyat. Namun, era digital juga memperhebat cabaran sedia ada dan mencipta isu baharu dalam hubungan serumpun ini. Hasil analisis tematik mengenal pasti empat dimensi utama cabaran era digital iaitu politik, ekonomi, sosial-budaya, dan keselamatan. Triangulasi pandangan Malaysia–Indonesia menunjukkan perlunya tindakan seimbang dan objektif dalam menangani setiap cabaran demi kemakmuran bersama. Berikut adalah perincian analisis bagi setiap dimensi tersebut.

Dimensi Politik

Platform digital masa kini menuntut kebijaksanaan baharu dalam mengurus hubungan diplomatik. Ledakan media sosial dan penyebaran maklumat pantas bermakna sentimen awam boleh mempengaruhi hubungan luar, dan maklumat palsu (hoaks) berpotensi mencetuskan krisis politik. Contohnya pada Ogos 2025, tular video di Facebook yang mendakwa Indonesia sedia “berperang” dengan Malaysia kerana sengketa blok Ambalat. Video itu ternyata telah disunting secara memesongkan, frasa asal “siapa berperanan” (sedia berperanan) disalah tafsir sebagai “siapa berperang”. Pihak berkuasa kedua-dua negara segera menafikan dakwaan tersebut. Indonesia menegaskan solusi damai, dan Wisma Putra Malaysia menyatakan isu Ambalat diselesaikan melalui diplomasi (TribrataNews Polri 2025). Insiden hoaks ini menunjukkan bagaimana misinformasi digital mampu menyemarakkan ketegangan politik, memaksa pemimpin bertindak pantas meredakan keadaan.

Kesedaran tentang ancaman berita palsu terhadap hubungan dua hala sebenarnya telah lama wujud. Sebagai contoh, pada tahun 2017, Menteri Komunikasi dan Informatika Indonesia, Rudiantara, memuji agensi Bernama Malaysia kerana proaktif menangani khabar angin yang merosakkan hubungan Jakarta–Kuala Lumpur (Ariffin, 2017). Beliau menyeru media arus perdana kedua negara bekerjasama menepis berita tidak sahih demi memelihara keharmonian serumpun. Usaha sedemikian berterusan hingga kini. Pada 2024, melalui program Jejak Serumpun, pihak media Malaysia–Indonesia dan Kementerian Komunikasi Indonesia memperkukuh kerjasama memerangi naratif negatif di ruang siber. Langkah ini menekankan pentingnya triangulasi maklumat. Contohnya, komunikasi berterusan antara Bernama, media Indonesia dan saluran diplomatik dapat verifikasi setiap isu segera sebelum menjadi krisis politik lebih besar.

Selain itu, era digital menuntut pemimpin kedua-dua negara lebih peka terhadap sentimen rakyat yang diluahkan di media sosial. Insiden kecil boleh mencetuskan kontroversi diplomatik sekiranya tidak ditangani segera. Sebagai contoh, insiden bendera Indonesia yang tercetak terbalik dalam buku panduan rasmi Sukan SEA 2017 di Kuala Lumpur mencetuskan kemarahan meluas di Indonesia, sehingga tanda pagar “#ShameOnYouMalaysia” menjadi tular (Reuters 2017). Presiden Joko Widodo menyifatkan insiden itu sebagai menyentuh maruah nasional dan menuntut permohonan maaf rasmi. Malaysia bertindak segera apabila Menteri Luar Negeri memohon maaf kepada pemerintah dan rakyat Indonesia. Respons pantas ini membuktikan bahawa kepekaan politik dalam era digital amat diperlukan untuk meredakan sentimen awam yang membara bagi mengelakkan keretakan hubungan diplomatik.

Dimensi Ekonomi

Dalam bidang ekonomi pula, transformasi digital menawarkan peluang kerjasama baharu, tetapi turut mengundang persaingan serta jurang dasar antara Malaysia-Indonesia. Kedua-dua negara giat mengembangkan ekonomi digital nasional. Malaysia dengan inisiatif MyDigital dan Indonesia dengan agenda Making Indonesia 4.0 bagi memanfaatkan Revolusi Industri 4.0. Namun, tahap pembangunan teknologi yang berbeza mencetuskan ketidakseimbangan. Kajian menunjukkan Malaysia lebih optimum dalam penerapan teknologi digital berbanding Indonesia, meskipun kedua-duanya menuju visi Society 5.0. Jurang digital ini menuntut penyelarasan dasar supaya kemajuan pesat sebelah pihak tidak menimbulkan rasa

tertinggal pada pihak yang lain. Melalui rundingan ekonomi digital serantau, Malaysia dan Indonesia perlu mencari titik persamaan terutamanya dalam standard e-dagang, aliran data rentas sempadan dan percukaian digital demi mengelak fragmentasi peraturan (Marion dan Augtania 2023). Inisiatif ASEAN Digital Economy Framework Agreement (DEFA) yang sedang dirundingkan menjadi platform penting harmonisasi dan ianya bakal menyelaraskan peraturan perdagangan digital dan membuka potensi ekonomi digital serantau (Marion dan Augtania 2023).

Pertembungan kepentingan dalam ekonomi gig dan platform rentas sempadan turut mewarnai hubungan dua hala. Persaingan antara syarikat e-hailing dan penghantaran makanan Malaysia dan Indonesia menyerlahkan keperluan koordinasi dasar. Sebagai contoh, syarikat Grab (berpangkalan di Malaysia) dan Gojek (Indonesia) bersaing sengit merebut pasaran serantau. Peraturan yang berbeza di setiap negara menyukarkan operasi platform ini; maka kerjasama diperlukan bagi memastikan model perniagaan baharu ini diurus secara adil. Dalam konteks lebih luas, Malaysia dan Indonesia sebagai anggota ASEAN terlibat dalam rundingan Perjanjian Rangka Kerja Ekonomi Digital ASEAN (DEFA). Mereka perlu sepakat mengenai standard e-dagang, perlindungan data pengguna dan cukai perkhidmatan digital yang akan diguna pakai bersama (Marion dan Augtania 2023). Hal ini penting agar integrasi ekonomi digital dapat dicapai tanpa mengorbankan kepentingan mana-mana negara.

Isu mobiliti tenaga kerja digital pula pernah menimbulkan ketegangan ketara. Contohnya, kontroversi Sistem Maid Online (SMO) Malaysia pada 2022 iaitu sistem pendaftaran pembantu rumah secara atas talian telah membawa kepada krisis diplomatik kecil. Pihak Indonesia mendakwa SMO melanggar Memorandum Persefahaman (MoU) dua hala kerana tidak melalui One Channel System (OCS) yang dipersetujui, serta dibimbangi meningkatkan risiko pemerdagangan manusia. Akibatnya, Jakarta mengenakan pembekuan sementara penghantaran pekerja migran ke Malaysia pada Julai 2022 (Reuters 2022). Langkah tegas Indonesia ini memberi impak langsung kepada sektor perladangan dan rumah tangga di Malaysia yang sangat bergantung kepada pekerja Indonesia, sekali gus mendedahkan kerentanan ekonomi dua hala apabila timbul isu tenaga kerja. Penyelesaian dicapai selepas rundingan segera, dimana kedua-dua negara bersetuju mengintegrasikan sistem SMO Malaysia dengan OCS Indonesia menjadi saluran tunggal kemasukan pekerja (Reuters 2022). Indonesia menarik balik sekatan pada Ogos 2022 setelah jaminan penambahbaikan dicapai, kerana kedua-dua pihak sedar krisis berpanjangan akan merugikan ekonomi masing-masing (Reuters 2022). Kes

ini menonjolkan bahawa pendigitalan proses ekonomi mesti disertai penyelarasan dasar agar tidak mencetuskan perselisihan dua hala (Reuters 2022; Malay Mail/Bernama. 2022).

Sebaliknya, era digital juga membuka ruang kerjasama ekonomi baharu Malaysia–Indonesia. Inisiatif integrasi pembayaran digital serantau kian menampakkan hasil. Kedua-dua negara telah memautkan sistem kod QR pembayaran nasional. Malaysia dengan aplikasi MAE dan Indonesia dengan QRIS bagi memudahkan transaksi rentas sempadan dalam mata wang tempatan (Marion dan Augtania 2023). Pelan Kesalinghubungan Pembayaran Serantau di bawah ASEAN memungkinkan rakyat Malaysia membuat bayaran di Indonesia (dan sebaliknya) secara terus melalui imbasan QR, tanpa memerlukan pertukaran kepada dolar AS (Marion dan Augtania 2023). Usaha ini bukan sahaja menggalakkan perdagangan dan pelancongan dua hala, malah mengurangkan kebergantungan kepada mata wang asing. Walaupun terdapat cabaran teknikal dan regulatori yang perlu diatasi (misalnya keseragaman standard keselamatan dan yuran transaksi), langkah ini membuktikan potensi integrasi ekonomi digital serantau. Malaysia dan Indonesia menunjukkan komitmen bahawa era digital boleh dijadikan pemangkin integrasi ekonomi sekiranya infrastruktur dan dasar diselaraskan dengan baik.

Dimensi Sosial-Budaya

Dimensi sosial-budaya merupakan cabaran paling emotif dalam hubungan Malaysia–Indonesia. Persamaan warisan serumpun yang sepatutnya menjadi kekuatan, adakalanya menjadi sumber persengketaan apabila timbul isu tuntutan budaya dan identiti kebangsaan. Sejak dahulu, ada sentimen di Indonesia bahawa Malaysia kerap “mencuri” budaya mereka – suatu pandangan yang berakar daripada semangat nasionalisme pasca-kolonial (Clark 2014). Era digital memburukkan lagi sentimen ini kerana perdebatan budaya mudah meletus di media sosial, sering kali tanpa konteks sejarah mendalam. Contoh klasik ialah kontroversi tarian Pendet Bali pada tahun 2009, apabila sebuah iklan promosi pelancongan Malaysia memaparkan tarian tradisional Indonesia tersebut. Isu itu mencetuskan bantahan hebat di Indonesia hingga memaksa Kementerian Pelancongan Malaysia memohon maaf, menjelaskan ia kesilapan pihak agensi iklan (Lamb, 2012). Begitu juga pada 2012, tindakan Malaysia merekodkan tarian Tor-Tor dan alat muzik Gordang Sambilan (warisan suku Mandailing, Sumatera) sebagai warisan budaya nasional mengundang kemarahan di Indonesia. Penunjuk perasaan di Jakarta bahkan membaling telur ke

Kedutaan Malaysia, sementara seorang anggota DPR Indonesia mengeluarkan kenyataan provokatif bahawa “sekali-sekala Malaysia perlu dibom” sebagai pengajaran (Lamb, 2012). Insiden-insiden ini menunjukkan betapa sensitifnya isu budaya di kalangan rakyat kedua-dua negara, dan media digital kini menjadi gelanggang utama perbalahan tersebut.

Media sosial juga menyaksikan penularan sentimen nasionalis melampau dan penghinaan antara warga maya tentang isu budaya atau simbol negara. Gelaran menghina seperti “Malingsia” (meskipun keterlaluan, bermaksud pencuri) di internet Indonesia, dan istilah merendahkan “Indon” di Malaysia, kadangkala muncul dalam pertikaman lidah atas talian. Misalnya, dalam insiden bendera terbalik Sukan SEA 2017 tadi, kemarahan rakyat Indonesia terserlah di Twitter dan Facebook dengan #ShameOnYouMalaysia menjadi trend utama (Reuters, 2017). Tekanan warganet membuatkan pimpinan Indonesia bersuara tegas menuntut tindakan, kerana bimbang dilihat lembik dalam isu maruah negara. Begitu juga dalam arena sukan, perlawanan akhir bola sepak Sukan SEA pada tahun 2011 di Jakarta menyaksikan penonton Indonesia mengejek kontinjen Malaysia dan sengaja menenggelamkan lagu kebangsaan Malaysia (Negaraku) dengan sorakan mereka. Video insiden itu tular di YouTube dan menyemarakkan lagi api nasionalisme kedua pihak (Clark, 2014). Jelaslah, platform digital memberi ruang kepada emosi massa mempengaruhi naratif bilateral, sekali gus memaksa kerajaan mengambil kira sentimen rakyat dalam merumus respons dasar luar.

Isu pekerja migran dan layanan mereka turut memperkuat dimensi sosial-budaya dalam hubungan Malaysia–Indonesia. Malaysia menempatkan ratusan ribu pekerja Indonesia, khususnya sebagai pembantu rumah dan buruh ladang. Kes penderaan atau layanan buruk terhadap pekerja Indonesia di Malaysia kerap mendapat liputan sensasi di media Indonesia (Lamb, 2012). Akibat desakan awam, pemerintah Indonesia beberapa kali mengambil tindakan drastik demi menunjukkan pembelaan ke atas rakyatnya termasuk moratorium penghantaran pembantu rumah ke Malaysia pada tahun 2010–2011 (Clark, 2014). Moratorium tersebut hanya ditarik balik selepas Malaysia bersetuju menandatangani perjanjian perlindungan pekerja yang lebih baik pada akhir tahun 2011 (Clark, 2014). Kini, di era media sosial, setiap insiden melibatkan warga Indonesia di Malaysia berpotensi menjadi viral dan mencetuskan kemarahan orang ramai dengan pantas. Kecaman atas talian terhadap Malaysia boleh merebak luas, memberi tekanan kepada Jakarta untuk bertindak tegas atau mengkaji semula kerjasama tenaga kerja. Ini menjadikan isu pekerja migran suatu cabaran besar dalam hubungan dua hala yang perlu ditangani dengan empati dan langkah pembaikan

berterusan.

Namun begitu, tidak semua perkembangan sosial-budaya bernada negatif. Kedua-dua negara juga telah melaksanakan inisiatif positif untuk memupuk persefahaman rakyat melalui era digital. Program pertukaran belia, kerjasama pendidikan, dan dialog budaya masih giat dijalankan oleh kerajaan dan masyarakat sivil bagi mengatasi stereotaip serta prasangka. Tokoh budaya Indonesia, Sitok Srengenge, pernah menegaskan bahawa budaya Nusantara sudah wujud sebelum sempadan moden memisahkan Malaysia–Indonesia. Menurutnya, warisan budaya seperti tarian Tor-Tor dan Gordang Sambilan adalah milik bersama yang harus dikongsi, bukannya dipertikai asal-usulnya (Lamb, 2012). Pandangan ini mencerminkan idea bahawa kebudayaan serumpun sepatutnya menjadi jambatan persaudaraan, bukan punca perbalahan. Di sinilah peranan media digital dapat dimanfaatkan secara lebih konstruktif, misalnya melalui kempen bersama memperkenalkan sejarah dan budaya serumpun secara objektif kepada generasi muda di kedua-dua negara. Dengan naratif positif yang diperluas di platform digital, sentimen negatif mampu diredakan. Usaha meningkatkan literasi media dan perspektif sejarah di kalangan warganet juga penting agar provokasi budaya tidak mudah memanipulasi emosi rakyat. Secara keseluruhannya, cabaran sosial-budaya di era digital memerlukan kepekaan, dialog dan pendidikan awam yang konsisten supaya semangat persaudaraan Malaysia–Indonesia terus utuh.

Cabaran Keselamatan

Dimensi keselamatan Malaysia–Indonesia turut mengalami anjakan paradigma akibat kemajuan digital. Ancaman keselamatan kini merentas sempadan fizikal melalui ruang siber, menuntut kedua-dua negara beradaptasi dalam memastikan kedaulatan dan keselamatan rakyat terpelihara. Salah satu cabaran utama ialah serangan siber dan jenayah siber yang menyasarkan infrastruktur penting. Sistem kerajaan, jaringan telekomunikasi, dan institusi kewangan di Malaysia mahupun Indonesia sering menjadi sasaran penjenayah siber bermotif keuntungan dan kumpulan hacktivist berideologi nasionalis. Pada 2019, umpamanya, berlaku insiden serangan siber timbal-balik melibatkan warga maya kedua-dua negara. Ia bermula selepas pengasas sebuah syarikat taksi Malaysia (Big Blue Taxi) mengeluarkan kenyataan provokatif yang menghina Indonesia, menggelar Indonesia negara miskin dan menolak kehadiran syarikat Gojek. Kenyataan itu mencetuskan kemarahan, lalu sekumpulan penggadam Indonesia bertindak meretas laman web Malaysia sebagai membalas penghinaan (LinuxSec News, 2019).

Beberapa laman dengan domain .my dirosakkan (defaced) dan mesej sinis ditinggalkan antaranya berbunyi: “jangan ngaku negara kaya kalau masih suka maling budaya” (jangan mengaku negara kaya jika masih suka mencuri budaya), jelas menyindir tuduhan pencurian budaya oleh Malaysia. Tindakan balas turut berlaku dengan penggadam Malaysia menyerang laman web milik kerajaan daerah di Indonesia, menunjukkan eskalasi konflik sosial-budaya ke ranah siber. Insiden ini memperlihatkan hubungan antara provokasi di media sosial dengan ancaman keselamatan siber yang mampu mencetuskan konflik siber di luar kawalan kerajaan.

Menghadapi risiko sedemikian, Malaysia dan Indonesia semakin sedar bahawa kerjasama keselamatan siber mesti diperkukuh. Ancaman siber yang terancang seperti serangan perisian hasad, pancingan dan pencerobohan data serta penipuan dalam talian, sering memanfaatkan kelompongan undang-undang antara negara. Sindiket jenayah siber bergerak merentas sempadan, menjadikan usaha unilateral kurang berkesan. Dalam kerangka ASEAN, kedua-dua negara giat menyokong inisiatif kolektif seperti Pelan Kerjasama Keselamatan Siber ASEAN. Malah pada 2025, Malaysia selaku Pengerusi ASEAN mengetuai perumusan Strategi Keselamatan Siber ASEAN 2026–2030 untuk meningkatkan daya tahan siber bersama (The Star, 2025).

Timbalan Perdana Menteri Malaysia (ketika itu Ahmad Zahid Hamidi) menekankan pentingnya kerjasama masa nyata antara anggota ASEAN dalam respons insiden, forensik digital, perkongsian data selamat dan harmonisasi dasar. Prinsip saling percaya dan kedaulatan ditekankan agar negara-negara serantau bersedia berkongsi maklumat sensitif demi menyekat ancaman siber rentas sempadan (The Star, 2025). Bagi hubungan dua hala, komitmen di peringkat ASEAN ini mencerminkan kesungguhan Malaysia–Indonesia untuk berinovasi bersama dalam keselamatan siber, termasuk melalui latihan keselamatan siber, pertukaran kepakaran teknikal, dan penyelarasan undang-undang anti-jenayah siber. Kerjasama erat adalah kunci kerana kelemahan siber pada satu pihak boleh mengancam yang lain dalam ekosistem digital yang saling terhubung.

Selain siber, ancaman ekstremisme dan keganasan juga berevolusi di era digital. Kedua-dua negara menghadapi cabaran propaganda kumpulan pelampau yang menggunakan media sosial dan aplikasi mesej bagi menyebarkan ideologi radikal merentas sempadan. Gerakan militan seperti ISIS pernah mengeksploitasi ruang maya berbahasa Melayu–Indonesia untuk merekrut ahli dan menggalakkan serangan serigala tunggal (persendirian). Hal ini mendorong kolaborasi rapat agensi keselamatan Malaysia–Indonesia dalam pemantauan kandungan dalam talian yang berbahaya. Duta Besar Malaysia ke Indonesia pernah menegaskan

bahawa penularan ideologi pelampau di ruang siber menuntut kerjasama erat kedua-dua negara (Astro Awani 2025). Ini termasuk perkongsian risikan tentang sel-sel militan, penyelarasan tindakan penguatkuasaan terhadap individu yang menyebarkan fahaman jihadis dan program kontra-naratif bersama. Tumpuan diberikan kepada pendidikan belia mengenai bahaya ekstremisme dalam talian serta menggalakkan wacana agama yang sederhana di platform digital. Pendekatan kolektif sebegini bukan sahaja dilaksanakan secara bilateral, malah dalam forum serantau seperti Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Jenayah Rentas Sempadan (AMMTC) dan ASEAN Our Eyes. Oleh yang demikian, usaha membanteras ekstremisme siber tidak wajar dilaksanakan secara berasasingan. Malaysia dan Indonesia menunjukkan komitmen bersama dalam memikul tanggungjawab demi memastikan kestabilan serantau terpelihara.

Akhir sekali, isu keselamatan tradisional seperti kawalan sempadan dan kedaulatan maritim turut mendapat dimensi digital. Malaysia dan Indonesia berkongsi sempadan darat di Borneo serta sempadan maritim yang luas di perairan Selat Melaka, Sulawesi, dan Laut China Selatan. Kedua-duanya berdepan cabaran penyeludupan, jenayah rentas sempadan, pencerobohan nelayan asing, malah ancaman pengganasan merentasi sempadan. Teknologi digital sebenarnya boleh membantu meningkatkan pengawasan, contohnya penggunaan drone, satelit pemantauan, AIS untuk kapal, kamera pengawasan sempadan berintegrasi AI, dan sistem radar pintar. Teknologi mampu menguatkan keselamatan fizikal sempadan, namun ia menuntut tahap perkongsian maklumat dan kepercayaan tinggi antara negara berjiran.

Perkongsian data masa nyata tentang pergerakan mencurigakan di sempadan hanya boleh dilakukan jika wujud koordinasi dan protokol bersama. Cabaran utama di sini adalah membangun kepercayaan strategik antara kedua negara. Kesediaan kedua negara untuk berkongsi data risikan tidak akan disalah guna terhadap kedaulatan masing-masing. Jika tidak, integrasi sistem pengawasan akan terbantut dan mengehadkan keberkesanan teknologi.

Tambahan pula, kebergantungan kepada sistem digital mendedahkan infrastruktur sempadan kepada risiko digodam atau sabotaj siber. Sistem radar, komunikasi tentera, atau pangkalan data imigresen boleh menjadi target serangan siber oleh anasir luar. Justeru, aspek keselamatan fizikal dan siber perlu berjalin rapat bagi kedua negara kerana kegagalan melindungi satu aspek boleh menggagalkan keseluruhan rancangan keselamatan sempadan. Menyedari hal ini, Malaysia dan Indonesia telah

meningkatkan kerjasama keselamatan tradisional dengan komponen digital. Misalnya, mereka menjalankan latihan keselamatan bersama yang merangkumi simulasi serangan siber ke atas sistem kawalan sempadan, di samping latihan rondaan maritim secara masa nyata menggunakan data satelit bersama. Kedua-dua negara juga menyokong penubuhan mekanisme amaran awal berasaskan teknologi di peringkat ASEAN untuk ancaman maritim. Semua inisiatif ini menekankan bahawa kepercayaan dan kesefahaman adalah tunjang dengan manfaat era digital untuk mengukuhkan keselamatan bersama, bukannya menjadi medan ancaman baharu.

Cadangan dan Implikasi Polisi

Analisis terhadap keempat-empat dimensi jelas menunjukkan bahawa adaptasi strategik amat diperlukan dalam kerangka hubungan Malaysia–Indonesia bagi memastikan era digital berperanan sebagai pemangkin kerjasama dan bukannya punca perbalahan. Bagi mencapai matlamat ini, beberapa strategi utama serta implikasi dasar dicadangkan untuk memperkukuh hubungan dua hala dalam konteks politik, sosial, ekonomi, dan keselamatan siber.

Pertama, penubuhan Pasukan Petugas Diplomasi Digital Dua Hala antara Malaysia dan Indonesia perlu dipertimbangkan sebagai langkah institusional bagi memperkukuh komunikasi rasmi di ruang siber. Pasukan ini disaran terdiri daripada pegawai Kementerian Luar Negeri, Kementerian Komunikasi, pakar media sosial, serta wakil kedutaan kedua-dua negara. Tujuannya adalah untuk merumuskan garis panduan komunikasi digital rasmi serta protokol menangani krisis maklumat dengan lebih cepat dan bersepadu. Langkah ini berupaya menginstitusikan mekanisme dialog pantas di ruang maya sebagai pelengkap kepada saluran diplomatik tradisional. Dari sudut dasar, inisiatif ini menuntut penyesuaian dalam prosedur komunikasi kerajaan, termasuk pelantikan digital attaché di kedutaan serta penggunaan platform pemantauan media secara bersama. Dalam jangka panjang, pendekatan ini boleh dijadikan model serantau bagi memperkukuh diplomasi digital ASEAN.

Kedua, bagi menangani cabaran disinformasi dan polarisasi sosial, kerjasama dalam menangani berita palsu dan meningkatkan literasi digital harus menjadi keutamaan. Malaysia dan Indonesia boleh mewujudkan sebuah portal semakan fakta dua hala yang memfokuskan isu-isu berkaitan hubungan kedua-dua negara. Portal ini boleh dikendalikan oleh agensi seperti MyCheck di Malaysia dan Mafindo atau Kominfo di Indonesia. Portal ini menyediakan maklumat pembetulan dalam dua bahasa serta menjawab isu tular yang berpotensi menjejaskan hubungan dua hala. Di samping itu, program rentas sempadan seperti bengkel bersama bagi wartawan, pelajar dan pemimpin digital boleh membantu

memperkuat etika bermedia sosial dan meningkatkan kesadaran tentang bahaya berita palsu. Yatid (2019) menegaskan bahwa Malaysia perlu memperkuat undang-undang anti-berita palsu, menuntut akauntabiliti platform digital, dan membangunkan mekanisme semakan fakta yang lebih mantap. Ini merupakan suatu cadangan yang relevan untuk dilaksanakan oleh kedua-dua negara.

Ketiga, dalam aspek ekonomi, pengukuhan kerjasama digital dan harmonisasi dasar ekonomi digital amat penting untuk menutup jurang peraturan dan memaksimumkan potensi ekonomi serantau. Malaysia dan Indonesia disaran menubuhkan Majlis Penyelarasan Ekonomi Digital di peringkat tinggi bagi menyelaraskan dasar e-dagang, perlindungan data, serta percukaian digital. Langkah awal boleh dimulakan melalui pengiktirafan bersama piawaian keselamatan digital dan sistem pembayaran dalam talian. Usaha ini bukan sahaja dapat mengelakkan fenomena arbitraj kawal selia (regulatory arbitrage) tetapi juga memperkuat integrasi pasaran digital dua hala agar lebih kompetitif di rantau ini. Inisiatif sedemikian sejajar dengan aspirasi ASEAN Digital Economy Framework Agreement (DEFA) yang sedang dibangunkan untuk mempercepat integrasi ekonomi digital ASEAN menjelang 2030 (VietnamPlus, 2025).

Seterusnya, dalam dimensi keselamatan, keperluan untuk pakatan strategik keselamatan siber menjadi semakin mendesak. Malaysia dan Indonesia wajar memeterai Perjanjian Kerjasama Keselamatan Siber yang lebih menyeluruh berbanding Memorandum Persefahaman (MoU) sedia ada. Perjanjian ini boleh merangkumi pertukaran maklumat ancaman secara masa nyata (real-time), bantuan teknikal sekiranya berlaku serangan besar-besaran, serta penubuhan talian hotline siber antara pusat operasi keselamatan siber (CERT) kedua-dua negara. Dari sudut dasar, pelaksanaannya mungkin menuntut penyesuaian undang-undang domestik, termasuk pengecualian tertentu di bawah Akta Perlindungan Data bagi membolehkan perkongsian maklumat rentas sempadan. Usaha sebegini bukan sahaja akan memperkuat ketahanan siber dua hala tetapi juga menjadi asas kepada pembentukan pakatan mini keselamatan siber ASEAN (Bernama, 2022).

Dalam konteks sosial-budaya pula, penubuhan Protokol Budaya Serantau di bawah jawatankuasa sosio-budaya Malaysia–Indonesia dapat membantu mengelakkan perselisihan budaya yang kerap timbul di media sosial. Protokol ini perlu menggariskan mekanisme bertindak pantas untuk menangani pertikaian budaya, termasuk pelantikan panel pakar bersama bagi meneliti asal-usul warisan seni yang diperdebatkan dan mengeluarkan kenyataan rasmi

bersama. Pendekatan ini sejajar dengan semangat UNESCO yang mengiktiraf warisan budaya Nusantara sebagai aset serantau bersama. Pada masa yang sama, strategi komunikasi awam perlu menekankan mesej perpaduan dan perkongsian budaya melalui penggunaan media digital seperti video, dokumentari pendek dan penceritaan bersama oleh tokoh budaya kedua-dua negara. Pendekatan ini akan mengurangkan nada retorik eksklusif dalam wacana awam dan menggalakkan pemahaman bahawa perkongsian budaya tidak menjejaskan identiti nasional masing-masing.

Dalam usaha memperkuat hubungan rakyat-ke-rakyat, inisiatif pertukaran dan jaringan digital rentas sempadan perlu digiatkan. Kerajaan kedua-dua negara boleh menyokong inisiatif seperti Pertandingan Kandungan Digital Serumpun yang menggalakkan belia menghasilkan karya kreatif bertemakan persahabatan Malaysia–Indonesia melalui platform digital seperti TikTok, YouTube atau Instagram. Di samping itu, program e-penpal dan forum pendidikan maya antara pelajar serta guru dari kedua-dua negara boleh diperluas dengan bantuan geran mikro kepada NGO dan komuniti digital. Langkah ini bukan sahaja merapatkan hubungan generasi muda tetapi juga membina “duta digital” rakyat yang mampu menangkis salah faham di media sosial.

Akhirnya, dari perspektif antarabangsa, Malaysia dan Indonesia perlu mengadakan forum seperti ASEAN, PBB, ITU, dan platform antarabangsa lain yang membincangkan tadbir urus internet, ekonomi digital, serta etika kecerdasan buatan. Dengan bercakap dalam satu suara, kedua-dua negara berpotensi memperjuangkan kepentingan negara membangun, termasuk hak melindungi data peribadi dan mengawal dominasi syarikat teknologi gergasi. Seperti yang dinyatakan oleh Menteri Komunikasi Malaysia pada tahun 2022, sokongan timbal balik antara Malaysia dan Indonesia dalam pencalonan di badan antarabangsa merupakan langkah penting untuk memperkuat pengaruh serantau dan memantapkan solidariti ASEAN (Bernama, 2021).

Pelaksanaan keseluruhan strategi ini menuntut komitmen politik yang tinggi, kesediaan menyesuaikan dasar domestik, serta penglibatan pelbagai pihak termasuk sektor swasta dan masyarakat awam. Walaupun menuntut pelaburan dan usaha yang besar, manfaat jangka panjangnya jauh melebihi kos, meliputi kestabilan politik dua hala, pertumbuhan ekonomi digital yang mampan, peningkatan literasi digital masyarakat, dan keselamatan siber yang lebih kukuh. Kerjasama yang erat dalam bidang digital ini berpotensi bukan sahaja memperkuat hubungan Malaysia–Indonesia, tetapi juga mengangkat ASEAN sebagai rantau yang tangkas, inklusif, dan berdaya saing menghadapi transformasi digital global.

Kesimpulan

Hubungan dua hala Malaysia–Indonesia berakar daripada warisan sejarah, budaya dan bahasa yang serumpun, namun kini berhadapan dengan transformasi besar akibat perkembangan pesat teknologi digital yang mengubah dinamika diplomasi, ekonomi dan interaksi sosial. Era digital bukan sahaja membuka peluang baharu dalam memperkukuh kerjasama dua hala, malah turut memperhebat cabaran dalam empat dimensi utama iaitu politik, ekonomi, sosial-budaya dan keselamatan. Keberlangsungan hubungan Malaysia–Indonesia pada masa hadapan bergantung kepada keupayaan kedua-dua negara menyesuaikan dasar, struktur dan tadbir urus dengan realiti digital global. Pendekatan kolaboratif seperti penubuhan pasukan diplomasi digital dua hala, portal semakan fakta bersama, serta protokol budaya serantau berpotensi memperkukuh kepercayaan dan integrasi antara rakyat. Kesimpulannya, era digital menuntut evolusi hubungan Malaysia–Indonesia daripada berpaksikan sejarah serumpun kepada bentuk kerjasama strategik berasaskan inovasi, kepercayaan dan tadbir urus digital yang inklusif bagi memastikan kedua-dua negara kekal berdaya saing dan stabil dalam ekosistem geopolitik serantau abad ke-21.

Rujukan

- Acharya, A. (2013). *The making of Southeast Asia: International relations of a region*. Ithaca, NY: Cornell University Press.
- Adesina, O. S. (2017). Foreign policy in an era of digital diplomacy. *Cogent Social Sciences*, 3(1), 1297175. <https://doi.org/10.1080/23311886.2017.1297175>
- Andaya, B. W., & Andaya, L. Y. (2001). *A history of Malaysia*. London: Palgrave Macmillan.
- ASEAN. (2021). *ASEAN Digital Masterplan 2025*. Jakarta: ASEAN Secretariat. (Available at [ASEAN.org](https://asean.org))
- Ariffin, A. (2017, September 19). Indonesia puji Bernama tangani berita palsu. *Malaysiakini*. Retrieved from <https://www.malaysiakini.com>.
- Bernama. (2021, September 8). Tiba masa Kementerian Luar wujudkan unit khas diplomasi digital – Ahli Akademik. *Astro Awani*. Retrieved from <https://www.astroawani.com>
- Bernama. (2022a, July 20). Malaysia, Indonesia agree to integrate System Maid Online – One Channel. *Malay Mail*. Retrieved from <https://www.malaymail.com>
- Bernama. (2022b, August 19). Malaysia, Indonesia tingkat kerjasama keselamatan siber, telekomunikasi. *BERNAMA*. Retrieved from <https://www.bernama.com>
- Bernama. (2024, February 19). Perkasa hubungan baik media Malaysia-Indonesia, perangai berita palsu negara serumpun. *Astro Awani*. Retrieved from <https://www.astroawani.com>
- Bernama. (2025a, January 29). Hubungan Malaysia-Indonesia: Memperkukuh hubungan dua hala dan kerjasama ASEAN. *Astro Awani*. Retrieved from <https://www.astroawani.com>
- Bernama. (2025b, March 13). ASEAN tingkat usaha perteguh keselamatan siber, depati peningkatan ancaman. *Astro Awani*. Retrieved from <https://www.astroawani.com>
- Chong, J. I. (2012). Mine, yours or ours?: The Indonesia–Malaysia disputes over shared cultural heritage. *Sojourn: Journal of Social Issues in Southeast Asia*, 27(1), 1–53. <https://doi.org/10.1355/sj27-1a>
- Clark, M. (2014, April 7). Anti-Malaysianism gone wild. *New Mandala*. Retrieved from <https://www.newmandala.org>
- Ganesan, N., & Amer, R. (Eds.). (2010). *International relations in Southeast Asia: Between bilateralism and multilateralism*. Singapore: ISEAS–Institute of Southeast Asian Studies.
- Lamb, K. (2012, June 27). Malaysian, Indonesian culture spats flare up. *VOA News*. Retrieved from <https://www.voanews.com>
- Liow, J. C. (2005). *The politics of Indonesia–Malaysia relations: One kin, two nations*. New York, NY: Routledge.
- LinuxSec News. (2019). Hacker Indonesia vs Malaysia (Insiden Big Blue Taxi). *LinuxSec News*. Retrieved from <https://news.linuxsec.org>
- Manor, I. (2019). *The digitalization of public diplomacy*. Cham: Palgrave Macmillan.
- Marion, E. C., & Augtania, A. Y. (2023). Comparison of technology transformation in digital leadership Indonesia and Malaysia in era Society 5.0. *E3S Web of Conferences*, 426, 02077. <https://doi.org/10.1051/e3sconf/202342602077>
- Omarali, N. S. (2017). *The social media and the heritage war between Indonesia and Malaysia* (Thesis, Universiti Brunei Darussalam).
- Reuters. (2017, August 20). Malaysia apologises for Indonesia flag blunder, reprinting regional games guide. *Reuters*. Retrieved from <https://www.reuters.com>
- Reuters. (2022, July 13). Indonesia imposes temporary freeze on sending migrant workers to Malaysia. *Reuters*. Retrieved from <https://www.reuters.com>
- Subritzky, J. (2000). *Confronting Sukarno: British, American, Australian and New Zealand diplomacy in the Malaysia–Indonesia Confrontation, 1961–1965*. Basingstoke: Palgrave Macmillan.
- Tapsell, R. (2014). Digital media in Indonesia and Malaysia: Convergence and conglomeration. *Asiascape: Digital Asia*, 1(3), 201–222. [**34 ~ Evolusi Hubungan Bilateral Malaysia-Indonesia: dari Asas Sejarah Serumpun ke Cabaran Era Digital**](https://doi.org/10.1163/22142312-</p></div><div data-bbox=)

12340012

- The Star. (2025, July 2). Malaysia leads ASEAN cybersecurity charge. The Star Online. Retrieved from <https://www.thestar.com.my>
- TribrataNews Polri. (2025, August 27). [HOAKS] Indonesia siap perang melawan Malaysia terkait Ambalat. TribrataNews Polri. Retrieved from <https://tribratanews.polri.go.id>
- Weiss, M. L. (2010). Malaysia–Indonesia bilateral relations: Sibling rivals in a fraught family. In N. Ganesan & R. Amer (Eds.), *International relations in Southeast Asia: Between bilateralism and multilateralism* (pp. 171–198). Singapore: ISEAS Publishing.
- Yatid, Moonyati Mohd. (2019). Truth Tampering Through Social Media: Malaysia's Approach in Fighting Disinformation & Misinformation. *Indonesian Journal of Southeast Asian Studies*, 2(2), 203–230. <https://doi.org/10.22146/ikat.v2i2.40482>.